

Headline	Boleh hilang kelayakan jadi calon PRU14		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	15 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	4	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	176 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,479
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,436



Boleh hilang kelayakan jadi calon PRU 14

KUALA LUMPUR 14 Nov. - “Sekiranya Parlimen dibubarkan esok (masa terdekat), ia akan memberi kesan kepada beliau (Rafizi) sekiranya ingin bertanding sebagai calon.”

Itu antara realiti yang perlu dihadapi oleh Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli yang disabitkan dan dihukum penjara 18 bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tuduhan memiliki dan mendedahkan satu halaman Laporan Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Mac lalu.

Perkara tersebut dimaklumkan oleh peguam Gobind Singh Deo yang mewakili Rafizi ketika ditanya mengenai kedudukan anak guamnya sekiranya ingin bertanding sebagai calon dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) selepas dijatuhkan hukuman tersebut.

Headline	Boleh hilang kelayakan jadi calon PRU14		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	15 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	4	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	176 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,479
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,436

Kes Rafizi Ramli

sepanjang 2016

26 Januari Didenda **RM1,800** atau **penjara 10 bulan** oleh Mahkamah Sesyen Petaling Jaya selepas didapati bersalah atas pertuduhan sengaja mengaib dan membangkitkan kemarahan ahli UMNO, dua tahun lalu.

8 April Mengaku **tidak bersalah** di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur atas tuduhan membuat tohmahan terhadap Tabung Haji pada 18 Februari lalu di Tingkat 18 bangunan Tabung Haji. Kes di peringkat perbicaraan.

31 Oktober Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memerintahkan **membayar ganti rugi RM200,000** terhadap National Feedlot Corporation Sdn. Bhd. (NFCorp) dan Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Seri Dr. Mohamad Salleh Ismail, kerana

memfitnah berkaitan pinjaman pembelian hartanah KL Eco City, Bangsar.

1 November Bersama tiga yang lain masing-masing didenda **RM1,950** atau **penjara dua bulan** di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur selepas mengaku bersalah atas tuduhan menganjurkan perhimpunan Blackout 505 di Padang Merbok, tiga tahun lalu.

14 November Dihukum **penjara 18 bulan** oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur selepas didapati bersalah mengikut Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1972 kerana memiliki dan mendedahkan Laporan Pengauditan 1Malaysia Development Bhd. (1MDB), Mac lalu.